

Jika tak dapat tempat di UA, kemuka rayuan bagi isi 15,000 tempat di MTUN - Ahmad Zahid

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my



AHMAD Zahid (dua kanan) kiri menunjukkan cenderahati yang diterima Husaini pada Program Kembara Kesedaran Pendidikan Anak Desa Madani (DIDIK MADANI) 2025 di Politeknik Bagan Datuk. FOTO L Manimaran.

Bagan Datuk: Pelajar cemerlang akademik yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA) boleh mengemukakan rayuan untuk didaftarkan ke mana-mana daripada enam rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) serta Pengurus Majlis TVET Negara (MTVET) berkata, ia bagi membolehkan peraya mengikuti aliran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di enam rangkaian universiti terbabit.

"Terdapat 170,000 pelajar cemerlang yang sudah mendapat tawaran ke UA, dan MTUN mempunyai tidak kurang 2,500 tempat bagi setiap universiti menjadikan keseluruhannya kira-kira 15,000 tempat.

"Kita ada enam universiti MTUN, jadi jika tidak dapat memasuki UA, mereka boleh minta sekretariat MTVET dan sekretariat MTUN untuk menjadi saluran bagi mengemukakan rayuan serta mendaftarkan mereka ke enam universiti berkenaan," katanya selepas merasmikan Program Kembara Kesedaran Pendidikan Anak Desa MADANI (KeDESA) Didik Madani Tahun 2025 di Politeknik Bagan Datuk, di sini hari ini.

Program anjuran Gerakan Pendidikan Bumiputera Malaysia (GPBM) itu disertai 1,000 peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah sekitar Bagan Datuk serta masyarakat setempat.

Hadir sama Pengurus Majlis Amanah Rakyat, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dan Penasihat GPBM yang juga Pengurus Jawatankuasa Induk KeDESA, Datuk Nurulhidayah Ahmad Zahid.

Ahmad Zahid berkata, pelajar kurang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), namun cemerlang selepas mengikuti program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 4 dan 5, boleh memasuki MTUN bagi mengikuti kursus peringkat ijazah sarjana muda.

"SKM Tahap 4 dan 5 diiktiraf sama taraf dengan diploma. Jadi walaupun mereka mungkin tidak cemerlang dalam SPM namun cemerlang dalam SKM Tahap 5 maka mereka akan dimasukkan melalui saluran enam MTUN ini.

"Saya sudah mengarahkan sekretariat MTVET dan sekretariat MTUN untuk menentukan pelajar ini supaya dapat memasuki ke universiti berkenaan.

"Saya juga sudah meminta kepada Naib Canselor MTUN ini untuk memberikan tempat kepada pelajar ini terutamanya untuk mengambil kursus sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, teknikal serta profesional," katanya.